

20 FEB 2003

UMNO UCAP TAHNIAH HAFIZ JUARAI ALL-ENGLAND

KUALA LUMPUR, Feb 20 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata juara All-England Mohd Hafiz Hashim, akan diberikan insentif sesuai yang tidak akan merosakkannya.

Perdana Menteri berkata nasihat beliau sebelum ini supaya Hafiz tidak terlalu dimanjakan dengan insentif yang berlebihan, tidak sekali-kali bermaksud tidak menghargai kejayaan pemain berusia 20 tahun itu.

"Kita berasa bangga kerana dia telah bermain dalam satu pertandingan yang pada mulanya nampak seolah-olah dia akan kalah. Dia ketinggalan dan pihak lawannya sudah sampai ke mata 14 tetapi dia, dengan ketabahannya, dapat kejar dan kemudiannya mengalahkan lawan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno disini hari ini.

Sambil mengucapkan tahniah bagi pihak Umno, Dr Mahathir berkata semangat juang Hafiz itu yang perlu menjadi contoh kepada anak-anak muda Malaysia.

"Ini supaya mereka tidak mudah kecewa dan mengaku kalah agak awal tetapi (sebaliknya) sanggup, orang Kedah kata, pulun sampai menang," katanya.

Dalam perlawanan akhir kejuaraan paling berprestij dalam arena badminton itu di Birmingham pada Ahad lepas, Hafiz menewaskan pilihan pertama yang juga juara bertahan, Chen Hong dari China dengan 17-14, 15-10.

-- BERNAMA

MNY AZH MAI